

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PERBADANAN PINJAMAN SABAH

OLEH

SHUSANTI BINTI ABDIAT
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100045094

LI 47 FPE 3 2006



1100045094

Laporan akhir latihan industri di Perbadanan Pinjaman Sabah / Shusianti Abedat.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

11000450\$1

11000450\$1

Lihat sebelah



LI
33
FRE
3
2001

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DI PERBADANAN PINJAMAN SABAH

Disediakan oleh:

**SHUSIANTI BINTI ABEDAT
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)**

Dilaporkan kepada:


**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
2006**

SURAT PENGESAHAN

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Shusianti Binti Hj. Abedat mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Shusianti Binti Hj. Abedat

Tarikh: 02/11/2006

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah dan hidayah-Nya , dapatlah saya menghasilkan sebuah buku laporan praktikum setelah menjalankan latihan industri selama 12 minggu di Perbadanan Pinjaman Sabah, Sabah.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), khususnya Fakulti Pengurusan dan Ekonomi kerana memberi pendedahan dan peluang kepada saya dan rakan-rakan lain untuk menimba pengalaman dengan alam kerjaya sebenar. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Puan Wan Norhayati Binti Mohamed selaku Penyelia latihan industri dengan tunjuk ajar dan perhatian yang diberikan.

Seterusnya, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada warga Perbadanan Pinjaman Sabah kerana memberi peluang kepada saya menjalani latihan, khususnya Pengurus Besar iaitu Encik Vincent Pung dan Pengurus Kanan Undang-undang dan Penguatkuasaan, Encik Arius Jipiu. Tidak lupa kepada Koordinator Pelatih PPS iaitu Cik Bernadith Bungkilan serta pegawai-pegawai Seksyen Undang-undang dan Penguatkuasaan (SUP) yang banyak memberi tunjuk ajar dan maklumat serta membantu saya sepanjang tempoh latihan. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai. Pengalaman dan kenangan 12 minggu berada di PPS akan saya abadikan sepanjang hayat. Semoga PPS akan terus maju dan unggul di masa akan datang.

Akhir kata, segala penghargaan ditujukan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan laporan ini. Jutaan kemaafan turut dimohon sekiranya terdapat kesilapan dan kekurangan dalam laporan ini. Nasihat dan teguran yang membina amatlah saya harapkan demi kebaikan bersama.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri ini membuka peluang kepada pelatih untuk menimba pengetahuan dan pengalaman sebenar di alam kerjaya. Sepanjang 12 minggu berada di Perbadanan Pinjaman Sabah(PPS), pelatih dapat mengenal pasti aktiviti dan proses kerja yang dilaksanakan oleh organisasi. Pelatih telah ditempatkan di Seksyen Undang-undang dan Penguatkuasaan sepanjang tempoh latihan. Ini kerana pada masa yang sama, sebanyak 35 orang pelatih dari berbagai tempat pengajian turut menjalani latihan di PPS. Namun, pelatih juga diberi peluang untuk mendapatkan pengetahuan di seksyen-seksyen lain yang terdapat di organisasi. Selain memahami proses kerja, pelatih turut diterapkan dengan semangat sepasukan. PPS memberi pendedahan sebenar suasana bekerja kepada pelatih. Para pelatih diberi peluang untuk mencetuskan idea dan pendapat dalam semua aspek. Ini menjadikan pelatih tidak merasa rendah diri dan memberi keyakinan yang tinggi dalam menjalani latihan. Dari segi sikap dan kemanusiaan, warga PPS sememangnya murah dengan senyuman dan peramah tidak kira Pengurus Atasan mahupun staf bawahan. Pelatih diberi latihan dan layanan yang baik. Inilah keunikan yang jarang kali dilihat di organisasi lain. Selain elaun bulanan sebanyak RM300 sebulan, PPS juga turut memberikan T-shirt dan topi PPS kepada pelatih sebagai tanda perhargaan kepada pelatih. Pelatih juga diberi peluang untuk menonjolkan diri dan mendapatkan sesuatu yang terbaik sepanjang latihan.